



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	17/9/2011

Corak pemikiran perlu berubah

Syarat jayakan strategi dalam sektor ekonomi, politik: Dr Mahathir

Oleh Meor Hisham Zulkifli
sham@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Corak pemikiran sesuatu masyarakat perlu berubah mengikut aliran dunia dalam memastikan segala strategi dan perubahan yang dirancang, baik dalam sektor ekonomi atau politik dapat dijayakan, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri memberi contoh dalam sektor ekonomi, semua pihak perlu mengambil kira persekitaran dan keadaan sekeliling untuk merangka perubahan kerana suatu kaedah atau cara lama sebelumnya, mungkin sudah tidak lagi sesuai dengan zaman semasa.

"Sebelum ini kita bergantung kepada pelaburan langsung asing (FDI) untuk memacu ekonomi, kini pelabur luar punya banyak pilihan sama ada melabur di China, Vietnam, Thailand dan mungkin tidak banyak lagi akan datang ke Malaysia terutama ketika kos dan kadar gaji di negara kita semakin meningkat.

"Saya berpendapat, kita kini perlu kenal pasti pelabur dalam negeri dan memberi sokongan kepada mereka termasuk pengecualian cukai dan bantuan lain kerana Malaysia sendiri sudah mempunyai ramai pelabur

berkemampuan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemubual dalam Program Bicara Negarawan di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya yang disiarkan TV1, malam tadi.

Pada masa sama, Dr Mahathir berkata, kemajuan teknologi juga menuntut perubahan corak pemikiran kerajaan dan rakyat di negara ini terutama dalam memastikan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk ini dapat diperteguhkan.

"Sebelum ini, kerajaan berkuasa mengawal keadaan negara, boleh mengarahkan akhbar supaya tidak memainkan isu berkaitan dengan perkauman tetapi kini kita berdepan dengan kehadiran internet dan kita sudah hidup dalam keadaan yang berbeza.

"Jadi untuk menangani masalah ini, kaedah tapisan (berita) tidak lagi boleh digunakan. Kita kena ingat bahawa teknologi sudah jauh ke depan, masalahnya pemikiran masih di tahap lama," katanya yang turut diminta pandangannya mengenai pentadbiran Datuk Seri Najib Razak.

Katanya, pemerintah sekarang kelihatan sudah sedar dengan kesalahannya dilakukan kerajaan sebelum-



nya dan cuba melaksanakan proses pembetulan, tetapi sudah tentu ia masalah yang tidak mudah diatasi namun sudah ada perubahan dan sokongan kepada Barisan Nasional (BN) juga beransur pulih.

Mengenai masa sesuai untuk mengadakan pilihan raya umum dan konsep calon boleh menang yang ditekankan Najib, beliau berpendapat, tidak salah untuk melawatkan pembubaran Parlimen bagi membolehkan penilaian yang tepat

dilakukan dalam menentukan calon terbaik.

"Lewat sedikitpun tak apa kerana kita perlu beri masa kepada Najib buat penilaian siapa yang layak. Andai gopoh, kita bimbang mungkin calon kurang baik dipilih. Najib juga perlu berusaha menerangkan kepada bakal calon, lebih baik mereka menentukan parti menang kerana hanya dengan kemenangan parti, barulah banyak nikmat dapat dirasakan," katanya.